

10 JULAI 2018

Sorok dalam kotak rokok

36

SETEMPAT ✕

Sorok dalam kotak rokok

IPOH – Sebanyak 13 pek­et lutsinar berisi bahan disyaki dadah jenis heroin ditemui tersimpan dalam kotak rokok, kelmarin.

Dadah dianggarkan seberat 19 gram berkenaan dirampas dari genggamannya seorang penganggur, warga tempatan berusia 30 tahun dalam satu pemeriksaan berhampiran Sekolah Kebangsaan (SK) Silibin, sekitar jam 9.30 malam.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Mohd Ali Tamby berkata, siasatan lanjut mendapati, suspek mempunyai tiga rekod jenayah lampau termasuklah pernah terbabit dalam kes samun.

"Ujian air kencing dijalankan mendapati suspek positif dadah jenis morfin, tiada sitaan harta benda dibuat, kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Dalam kes berasingan, seorang lelaki dipercayai pengedar dadah berjaya diberkas bersama dadah dianggarkan bernilai RM61,000 dalam satu serbuan di Taman Sri Bernam, Hutan Melintang, Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Mohd Marzukhi Mohd Mokhtar berkata, suspek yang berusia 30-an itu ditahan pada jam 2 petang ketika sedang berehat di rumahnya.

"Polis turut merampas 19 pek­et lutsinar disyaki berisi dadah heroin. Kita juga berjaya merampas 11 pek­et lutsinar disyaki berisi dadah methamphetamine seberat 100.51 gram.

"Suspek dipercayai terlibat aktiviti pengedaran dadah beberapa bulan lalu dan mempunyai satu rekod lampau berkait kes dadah," katanya.